



Anwar melawat persiapan yang dibuat sekitar kuil Batu Caves menjelang perayaan Thaipusam yang akan diraikan Selasa depan. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

'Tidak perlu garis panduan ke rumah ibadat bukan Islam'

Umat Islam
diingat tahu
jaga batas,
usah sampai
langgar akidah

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Gombak: Kabinet semalam, memutuskan bahawa tiada keperluan mewujudkan garis panduan mengenai pembabitan umat Islam di negara ini dalam sambutan perayaan agama lain, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dimuktamadkan pada mesyuarat Kabinet pagi semalam dan akan dipersembahkan kepada Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).

"Tak perlu nak bagi penjelasan berhubung peraturan atau garis panduan, yang perlu adalah orang Islam jaga akidah bahawa ada peraturannya yang tak boleh dilanggar.

"Untuk menyantuni masyarakat pelbagai kaum dan agama itu tiada masalah, sama seperti saya datang ke sini (Batu Caves) hari ini bukan untuk (menyeritai) upacara agama. Gobind Singh Deo (Menteri Digital) sering ke masjid di kawasan (Parlimen) dia tapi bukan upacara agama. Jadi kita biasa.

"Jadi jangan persulitkan, jangan menimbulkan kerisauan dalam masyarakat. Saya nak tegaskan keputusan muktamad Jemaah Menteri pagi tadi," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas meninjau persiapan yang dibuat menjelang perayaan Thaipusam yang bakal diraikan penganut Hindu di Kuil Batu Caves di sini, pada Selasa depan.

Turut serta dalam tinjauan itu termasuk Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Gobind dan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri R Ramanan.

Ambil kira pelbagai aspek Perdana Menteri mengulas keputusan Kabinet yang memutuskan bahawa setiap dasar yang dirangka berhubung cadangan pelaksanaan garis pan-

duan bagi majlis memabitkan umat Islam di rumah ibadat bukan Islam, perlu mengambil kira aspek perpaduan nasional serta terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Kabinet.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang, dalam kenyataan bersama berkata, perkara itu diputuskan pada mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

Dalam keputusan itu, Kabinet bersetuju JAKIM memberi nasihat kepada umat Islam negara ini berkaitan keperluan menjaga akidah ketika mengikuti sambutan perayaan, upacara kematian, kunjungan dan penganjuran majlis di rumah ibadat selain Islam, tetapi nasihat itu tidak bersifat dasar.

Terdahulu, sebelum ke Batu Caves, Perdana Menteri menyertai kira-kira 1,500 jemaah menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Mardhiyah, Taman Melawati, Ampang.

Usai solat Jumaat, beliau yang diiringi Amirudin, meluangkan masa bersama pengunjung Medan Selera Anjung, Taman Melawati untuk makan tengah hari.